



**TEKS UCAPAN**  
**YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK JIWA MURNI (PJM)**  
**PERINGKAT ALOR GAJAH, MELAKA**

**26 OKTOBER 2024 | HUTAN PERCHA, MELAKA**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah Subhana Wa taala; Tuhan sekalian alam; selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Salallahu' Alaihi Wassalam.

- Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat
- Yang Dihormati Mejah Jeneral Dato' Azhan bin Hj Md Othman, Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat,
- Yang Dihormati Mejah Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Arifin, Panglima Divisyen Ketiga Infantri Malaysia,
- Yang Dihormati Brigedier Jeneral Zamri bin Othman, Panglima Briged Pertama Infantri Malaysia,
- Yang Dihormati Brigedier Jeneral Fazillah bin Ibrahim, Ketua Jurutera Rejimen Askar Jurutera Diraja,
- Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada pagi yang sungguh bermakna ini.
2. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung, penghargaan kepada pihak Tentera Darat, dan Rejimen Askar Jurutera Diraja khususnya atau RAJD dalam menjayakan Program Jiwa Murni pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Darat telah melaksanakan pembaikan beberapa rumah asnaf termasuk veteran ATM di bawah inisiatif Projek Jiwa Murni atau PJM.
4. Pada tahun ini, Program Jiwa Murni di **Negeri Melaka** melibatkan **pembaikan 10 buah** rumah iaitu **5 buah rumah di kawasan Alor Gajah** dan 5 buah rumah di kawasan Tangga Batu.
5. Daripada 5 buah rumah di kawasan Alor Gajah, 3 buah rumah adalah daripada asnaf iaitu rumah Puan Abidah binti Maurob, rumah Puan Zuraidi binti Salim dan Rumah Encik Mohamad bin Abu Bakar serta 2 buah rumah veteran ATM iaitu rumah Encik Mohd Rafei bin Jantan dan rumah Allahyarham Encik Samsuddin bin Samah.
6. Alhamdulillah, Projek Jiwa Murni membaik pulih 4 buah rumah di kawasan Alor Gajah telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pasukan 9 Skuadron RAJD dengan kekuatan seramai 1 x Pegawai dan 15 x Lain-Lain Pangkat. Projek ini disiapkan dalam tempoh 2 bulan iaitu bermula pada 12 Ogos dan siap sepenuhnya pada 14 Oktober 2024.

7. Sebuah lagi rumah di Kampung Pulau, Alor Gajah baru memasuki fasa permulaan pembaikan dan diharap dapat disiapkan pada akhir Disember 2024. Secara keseluruhannya, Kementerian Pertahanan telah mempertuntukkan **RM138,500.00** bagi menjayakan Program Jiwa Murni ini.
8. Program Jiwa Murni ini dilaksanakan selari dengan pengukuhan **Teras 4 Pelan Strategik MINDEF** (PSM) 2021-2025 iaitu, memperkuuh **Kerjasama Awam dan Tentera (CIMIC)** serta Perintah Ulung Panglima Tentera Darat di dalam Teras Kelima iaitu Keutuhan Hubungan Tentera dan Awam.
9. PJM mengetengahkan elemen CIMIC dalam mencapai konteks pertahanan menyeluruh. Pengisian program sebegini membuka ruang kepada masyarakat umum untuk mengenali Angkatan Tentera Malaysia dengan lebih dekat khususnya Tentera Darat pada masa aman dengan menggabungkan tenaga dan minda bagi memenuhi aspirasi dan keperluan rakyat.
10. Kementerian Pertahanan yakin, pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh pihak ATM ini mampu mencapai 3 objektif iaitu:
  - i. Memperkuuh hubungan, menyemai kepercayaan serta keterbukaan antara masyarakat awam dan tentera,
  - ii. Meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai peranan dan fungsi ATM secara berterusan; dan
  - iii. Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam konsep pertahanan menyeluruh, iaitu melalui penyertaan generasi muda dalam perkhidmatan tentera mahupun sebagai sukarelawan (wataniah).

11. Oleh itu, saya berpadangan Projek Jiwa Murni ini perlu diteruskan pada masa akan datang sebagai sebahagian daripada inisiatif MADANI Kementerian Pertahanan. Ianya seajar dengan usaha Kementerian untuk mengangkat visi **Malaysia yang ‘Ihsan’**, iaitu bersama-sama dengan agensi-agensi lain memperjuang dan mempedulikan nasib dan keperluan masyarakat yang kurang bernasib baik terutamanya yang berada di luar bandar.
12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Jiwa Murni pada hari ini.
13. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.